Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1500, 20 Oktober 2026

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

HARI STATISTIK NEGARA 2026: MEMPERKUKUH SISTEM STATISTIK NEGARA, MEMPERLUAS MANFAAT STATISTIK KEPADA RAKYAT

PUTRAJAYA, 20 OKTOBER 2026 – Pengukuhan Sistem Statistik Negara (SSN) dan usaha merakyatkan statistik terus menjadi tumpuan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam memastikan ketersediaan statistik rasmi yang berkualiti dan boleh dipercayai untuk dimanfaatkan secara meluas bagi menyokong keputusan berasaskan bukti dan kesejahteraan rakyat. Dua fokus ini diketengahkan sempena Sambutan Hari Statistik Negara (HSN) 2026 yang berlangsung di Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin, Putrajaya, hari ini. Sambutan ini yang membawa tema “Statistik Nadi Kehidupan”, menghimpunkan penyertaan merentasi kementerian dan agensi, institusi akademik, industri, pengamal statistik, media serta generasi muda bagi meraikan kepentingan statistik dalam pembangunan negara dan kehidupan masyarakat.

Memperkukuh Keupayaan Statistik Negara

Keperluan terhadap statistik yang semakin terperinci dan menyeluruh menuntut sistem statistik negara yang lebih terselaras serta mampu memanfaatkan pelbagai sumber data. Dalam hubungan ini, kelulusan Rang Undang-Undang Statistik 2026 di Parlimen merupakan perkembangan penting ke arah memperkukuh kerangka perundangan dan institusi statistik negara, termasuk penyelarasan statistik rasmi serta kerjasama antara kementerian dan agensi.

Ketua Perangkawan Malaysia, Puan Siti Asiah Ahmad, dalam ucapan aluannya menekankan keperluan memperkukuh keupayaan DOSM dalam penghasilan statistik rasmi seiring perkembangan sumber data, teknologi dan keperluan maklumat negara. Usaha ini merangkumi penambahbaikan kaedah statistik, penyelarasan dan pemanfaatan pelbagai sumber data serta peningkatan keupayaan analitik, dengan tetap mengutamakan kualiti, pertimbangan profesional dan perlindungan kerahsiaan maklumat.

Merakyatkan Statistik dan Membudayakan Penggunaan Data

Seiring pengukuhan SSN, usaha merakyatkan statistik turut diberikan perhatian supaya manfaat statistik rasmi dapat dirasai oleh pelbagai lapisan masyarakat. Statistik bukan sahaja menjadi rujukan kepada Kerajaan, malah membantu isi rumah, komuniti dan perniagaan memahami perkembangan ekonomi dan sosial serta membuat pertimbangan

berasaskan fakta. Dalam persekitaran maklumat yang semakin pantas, pengukuhan literasi statistik juga penting bagi membolehkan masyarakat memahami dan menggunakan data secara kritis serta bertanggungjawab.

Bersempena HSN 2026, pelbagai pertandingan dan program telah dianjurkan dengan penglibatan generasi muda, khususnya pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Pertandingan Debat Statistik antara institusi pengajian tinggi yang telah dilaksanakan buat kali kelima pada tahun ini menjadi wadah membudayakan pemikiran kritis dan penghujahan berasaskan bukti, di samping menggalakkan mahasiswa menilai sesuatu isu daripada pelbagai perspektif dengan berpandukan fakta dan data. Sementara itu, Pertandingan Pengucapan Awam Peringkat Sekolah Menengah Harian dan Sekolah Berasrama Penuh yang membawa tema “Statistik Penduduk: Mengenali Malaysia melalui Data Penduduk” bertujuan memupuk keyakinan dan kemahiran pelajar sekolah menengah dalam menyampaikan maklumat statistik secara jelas, menarik dan mudah difahami.

DOSM Datathon 2026 pula memberikan peluang kepada pelajar institusi pengajian tinggi menggunakan kemahiran analitik data, kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin dalam meneroka penyelesaian inovatif berkaitan pelancongan lestari. Penyertaan pelajar sekolah menengah dalam pertandingan infografik dan poster saintifik pula menggalakkan pentafsiran data dan statistik dalam bentuk visual yang kreatif, tepat dan mudah difahami. Secara keseluruhannya, penglibatan generasi muda melalui pelbagai program ini diharapkan dapat menyemai minat terhadap statistik sejak di bangku sekolah, membina keupayaan berfikir secara kritis serta memupuk bakat yang mampu memanfaatkan data dan teknologi untuk menghadapi cabaran masa hadapan.

Sambutan kemuncak HSN 2026 hari ini turut menampilkan forum “Perubahan Demografi dan Masa Depan Malaysia: Mengimbangi Kesejahteraan, Produktiviti dan Daya Saing Negara” yang menghimpunkan pandangan pakar serta membuka ruang perbincangan tentang kepentingan statistik dalam memahami perubahan demografi serta menyokong persediaan negara menghadapi cabaran jangka panjang dari sudut pasaran buruh, perlindungan sosial dan kesihatan awam.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kementerian dan agensi, institusi akademik, industri, pengamal statistik serta seluruh masyarakat atas kerjasama dan sokongan yang diberikan. Semoga kerjasama erat ini terus terjalin dalam memperkukuh Sistem Statistik Negara. Selamat Menyambut Hari Statistik Negara 2026 kepada seluruh rakyat Malaysia!

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
20 OKTOBER 2026